

DARI MEJA Pengerusi NUTP Kedah



Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia.

Terlebih dahulu saya merakamkan terima kasih kepada semua ahli NUTP Kedah dan keluarga NUTP seluruh Malaysia.

‘Selamat Menyambut Tahun Baru 2023’.

Dalam kesempatan ini juga, NUTP melihat netizen di luar sana dalam kalangan guru dan rakyat Malaysia sedang bergelut menghadapi kemelut kenaikan harga barang yang keterlaluan hingga boleh menjejaskan kos perbelanjaan dalam kehidupan yang semakin tinggi jika tidak dapat dikawal oleh pihak berkuasa dan kerajaan hari ini.

Impaknya, keseluruhan rakyat Malaysia terkesan dengan kenaikan harga barangan malah dalam kalangan guru juga. NUTP melalui rangkaian bersama-sama CUEPACS dan MTUC tidak terkecuali memainkan peranan mendesak pihak berkuatkuasa memastikan harga barangan keperluan dapat dikawal dan dibendung daripada terus meningkat. Terima kasih CUEPACS dan MTUC, Malaysia.

Seterusnya, usaha-usaha yang dilakukan oleh NUTP khususnya kepada pegawai tertinggi di peringkat kebangsaan terus berusaha dan memperjuangkan status guru dan ahli NUTP yang berada di gred DG 52 dan DG 54 dibenarkan terus berkesatuan kepada guru-guru yang telah melangkaui gred berkenaan. Jika tidak, bagi guru berkenaan akan hilang status keahlian bersama-sama manfaat lain akan tergugur secara automatik. Segala usaha dan ikhtiar tersebut oleh Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari Agung bersama-sama MTUC Malaysia, membuahkan hasil terbaik atas sokongan Mantan YAB. Perdana Menteri Malaysia yang ke-9 iaitu Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob. Guru di gred berkenaan dapat terus berkesatuan. Tahniah pengurusan tertinggi NUTP dan MTUC.

Namun perjuangan NUTP Cawangan Kedah khususnya untuk memberi kebajikan kepada guru-guru ahli NUTP ada cara tersendiri serta usaha-usaha yang dilaksanakan sebagai tanggungjawab sosial, cakna dan peduli kepada pelbagai lapisan rakyat di negeri Kedah melalui sumbangan dan bantuan secara berkelompok dan individu tanda prihatin atas musibah yang berlaku iaitu misi bantuan tragedi kepala air di Kampung Iboi, Baling, Kedah. NUTP Cawangan Kedah merakamkan salam takziah kepada guru-guru Negeri Kedah dan penduduk setempat yang ditimpa musibah tragedi kepala air sehingga ada yang kehilangan tempat tinggal dan beberapa orang kehilangan ahli keluarga. Semoga mereka bersabar dan redha menerima takdir dan qadar ketentuan ujian Allah.

Guru-guru ahli NUTP Kedah,

Kita juga adalah guru, kita juga adalah penjawat awam, kita juga adalah ahli masyarakat setempat dan kita juga adalah waris kepada anak-anak yang sedang belajar di sekolah. Jadi kita ambil peduli, cakna dengan persekitaran kehidupan dan dunia Pendidikan. In shaaAllah kita sentiasa bersama-sama berusaha menangani dalam semua hal berkaitan kebajikan guru terus diperjuangkan.

Terima kasih.

'Bersatu Kita Berjaya'

Yang ikhlas,



.....
(KAPT. BERSEKUTU (PA) HJ MOHD FADZIL B. MD ISA, BKM., PCK.)

Pengerusi NUTP Cawangan Kedah.